

**Nilai:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) awam pertama mendapat status Mutawwali.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) meluluskan pemberian status itu kepada USIM pada Julai lalu.

Namun, katanya, ketiadaan rangka perundangan dan dasar yang membenarkan universiti menubuhkan institusi wakaf menjejaskan usaha USIM menjadi pelopor menjana pendapatan meng-

# USIM berstatus **Mutawwali**

gunakan pendekatan wakaf korporat.

## **Bantuan Kerajaan Persekutuan**

"Ketiadaan rangka kerja perundangan wakaf IPT menyukarkan kami mengorak langkah seterusnya walaupun untuk membuka akaun khas bagi wakaf," katanya ketika ditemui selepas Bengkel Pembiayaan Wakaf IPT di sini, baru-baru ini.

Asma berharap halangan

itu mendapat perhatian Kerajaan Pusat dengan mewujudkan dasar berkaitan bagi mengupayakan IPT melaksanakan pendekatan wakaf korporat untuk menjana pendapatan sendiri.

## **Tubuh dana endowmen**

Untuk mengatasi isu perundangan itu, katanya, USIM akan mewujudkan dana endowmen untuk menjana pendapatan universiti.

Beliau berkata, cadangan

penyelesaian dan idea berkaitan penubuhan institusi wakaf universiti yang dikumpulkan menerusi bengkel sehari itu akan diketengahkan kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut.

"Menjana pendapatan me-

nerusi aktiviti perundingan dan pengkomersialan adalah pendekatan konvensional.

"USIM ber-

hasrat menerajui usaha menjana pendapatan berteraskan Islam ini untuk manfaat semua terutama IPT swasta kecil yang bernaung di

bawah Konsortium Institusi Pengajian Tinggi Islam bagi Kualiti Akademik dan Penyelidikan Lanjutan," katanya.

## **INFO**

### **Turki**

Lebih 60 universiti wakaf

### **Indonesia**

Lebih 15 institusi pendidikan dibangunkan berdasarkan sumbangan wakaf